

03/02/2002

Sahabat Arkib aset penting pensejarahan negara

Noorjaya

KETUA Pengarah Arkib Negara, Datuk Habibah Zon, sangat gembira dapat menemui kira-kira 50 Sahabat Arkib cawangan Kedah, di Auditorium Kompleks Kelahiran Mahathir Mohamad, Jalan Pegawai, Alor Star, Kedah baru-baru ini. Hadir sama ialah kakak Perdana Menteri, Rafeah dan Habibah.

Beliau yang diiringi Pengarah Arkib cawangan Kedah dan Perlis, Saimah Mokhtar, menyatakan kejayaan manuskrip surat-menyurat Sultan Abdul Hamid mendapat pengiktirafan Pertubuhan Kebudayaan dan Pendidikan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco) sebagai warisan dunia. Ia adalah sumbangan Sahabat Arkib negeri ini dengan kerjasama Datuk Wan Shamsudin Mohd Yusof.

Idea perkhidmatan perkumpulan Sahabat Arkib mula diperkenalkan Jabatan Arkib Negara melalui Pejabat Arkib Negara cawangan Johor Bahru pada November 1981. Bermula dengan enam pesara bersetuju membantu melakukan transliterasi sekumpulan rekod lama 'Titah Perintah'.

Pejabat Arkib Negara cawangan Utara Alor Star ikut menubuhkan kumpulan Sahabat Arkib pada Oktober 1983. Sahabat terawal di cawangan ini ialah Othman Hanafiah, Ismail Saleh, Ibrahim Ismail dan beberapa orang lain. Mereka secara sukarela membantu pejabat arkib dengan kerja transliterasi, penyelidikan dan yang paling popular ialah siri pengkisahan dan sembang sejarah.

Setakat ini Sahabat Arkib di Kedah meningkat jumlahnya kepada lebih 100 orang telah membincang lebih 12 tajuk pengkisahan antaranya Sekolah Melayu Sebelum Perang, Sekolah Agama Sebelum Perang, Pasar Minggu, Pantang Larang Orang Melayu, Istiadat Perkahwinan, Peranan Penulis Kedah dan Sistem Pendidikan Pondok.

Selaras dengan fungsi Jabatan Arkib Negara membantu mengurangkan kesukaran penyelidikan dan kajian sejarah bagi mendapatkan maklumat tepat dan terperinci mengenai sesuatu fakta sejarah, Habibah yakin kemampuan dan peranan Sahabat Arkib dapat bantu mempergiatkan usaha mendapat bahan maklumat yang ada nilai sejarah dan pendokumentasiannya.

Anggota Sahabat Arkib terdiri daripada pesara atau kakitangan kerajaan termasuk anggota masyarakat yang mempunyai banyak pengalaman, pengetahuan dalam bidang sosial, kebudayaan, sejarah, perkhidmatan awam, politik, ketenteraan, kepolisan dan sebagainya. Sesungguhnya Sahabat Arkib adalah aset penting dalam konteks sejarah negara.

Kerana itu menurut Habibah, Arkib Negara merancang beberapa program seperti seminar dan pertemuan peringkat kebangsaan untuk mempertemukan serta mendedah sesama Sahabat Arkib antara negeri dalam situasi keilmuan yang lebih luas.

Kedah bukan saja memiliki banyak kesan peninggalan sejarah, tapi juga menyimpan pelbagai khazanah dan dokumen sejarah yang penting. Antaranya dokumen mengenai bahasa dan sastera hasil penulisan di negeri ini sejak sebelum Islam yang dianggap bertambah maju sesudah kedatangan Islam pada abad ke-9.

Batu bersurat yang ditemui di Lembah Bujang terpahat tulisan jawi nama Ibn Sardan bertarikh 213H atau abad ke-9 (Dr Othman Yatim 1990/41), malah Kedah pernah menjadi pusat perkembangan intelektual dan kesusasteraan Islam di alam Melayu yang juga terkenal dengan sistem pendidikan pondok hingga ke hari ini. Sehubungan itu Kedah melahirkan ramai penulis golongan ulama antaranya Hussain Nasir Mohamad Taib, Wan Sulaiman Wan Sidik, Hussain Mohamad Nasir al-Masudi al-Banjari dan ramai lagi. Mereka banyak menghasilkan karya sama ada bercorak agama atau sastera.

Kedah sendiri khususnya memiliki beberapa naskhah penting seperti naskhah historiografi Hikayat Merong Mahawangsa, Undang-Undang Kedah, Syair Sultan Maulana, Syair Duka Nestapa, Undang-Undang Datuk Kota Setar, Salasilah al-Tarikh Kerajaan Kedah termasuklah Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid yang diiktiraf sebagai Warisan Dunia oleh Unesco.

Menurut tokoh sejarah, Ismail Saleh, karya ulama Kedah itu dipercayai sebahagiannya mungkin telah hilang atau terhapus begitu saja, namun masih banyak tersimpan dalam koleksi di sekolah pondok, sekolah agama dan pada orang perseorangan. Beliau menggesa pihak arkib segera memantau khazanah itu agar naskhah lama yang sangat berharga itu tidak terus hilang atau musnah.

Sementara itu beberapa orang Sahabat Arkib lain turut menyarankan tindakan yang sama perlu diambil terhadap buku, naskhah kreatif atau bukan kreatif hasil kerja pengarang terkemudian dipantau untuk dijadikan koleksi Kedah kerana selepas pengarang golongan ulama, Kedah terus melahirkan ramai pengarang bahasa dan sastera yang perlu dipelihara.

Menurut Habibah, arkib amat menghargai pandangan dan cadangan Sahabat Arkib dan berjanji akan mengambil langkah perlu dengan segera asalkan ia tidak bertindih dengan agensi kerajaan yang lain seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Perbadanan Perpustakaan Awam, muzium dan lain-lain.

Menghargai pertemuan pagi itu, pihak Arkib Negara cawangan Kedah dan Perlis menyampaikan cenderamata kepada Sahabat-Arkib termasuk salinan warkah pengiktirafan Unesco terhadap manuskrip Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid disampaikan Habibah kepada Wan Shamsudin.

(END)